

EK
ECONEWS
PGU PUNCA PENDAPATAN BARU UTK NEGARA

SEGAMAT, 34 Dis (Bernama) -- Projek pembangunan gas yang membuka lembaran baru bagi Malaysia akan menjimatkan negara beribu juta ringgit..

Mula tahun ini hingga tahun 2000, Malaysia akan dapat menjimatkan kira-kira \$18,000 juta berikutan langkah menggantikan penggunaan minyak dengan gas asli sebagai sumber tenaga, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata.

Berucap merasmikan sistem Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat II atau PGU II disini dan melancarkan penyaluran gas dari pantai timur ke barat, beliau berkata menerusi pembangunan projek PGU, kerajaan akan memperolehi punca pendapatan baru untuk negara.

+Dengan meningkatkan penggunaan gas sendiri oleh sektor penjana kuasa dan industri tempatan, lebih banyak gas akan dikeluarkan.

+Injakan dapat, menambahkan pendapatan dalam bentuk royalti kepada negara dan negeri Terengganu selain daripada pendapatan dalam bentuk cukai dan dividen, kata Perdana Menteri.

Pendapatan tambahan ini akan membolehkan kerajaan membiayai perbelanjaan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur lain untuk rakyat, dan untuk perkembangan industri eksport, tambah beliau.

Disamping itu katanya, penggunaan gas bagi menggantikan minyak bahan bakar yang diimport juga akan dapat menjimatkan tukaran asing dan mengurangkan defisit negara. Katanya, ini adalah kerana kebanyakan stesen jana elektrik negara bergantung kepada minyak bahan bakar yang diimport.

Beliau juga berkata, menjelang tahun 1995 kerajaan menjangka dapat mengurangkan pergantungan kepada minyak bahan bakar bagi penjana kuasa kepada 5.5 peratus, berbanding dengan 42 peratus sekarang.

Sementara sumbangan daripada gas, katanya, dijangka meningkat daripada 23 peratus dalam tahun 1993 kepada 75 peratus dalam tahun 1995.

+Adalah dianggarkan dengan penggantian daripada minyak kepada gas asli sebagai sumber tenaga, mulai tahun ini hingga tahun 2000, Malaysia akan dapat menjimatkan kira-kira \$18,000 juta, katanya.

Beliau juga berkata, penggunaan gas oleh sektor penjana elektrik juga akan membolehkan Malaysia memanfaatkan sepenuhnya faedah-faedah daripada teknologi kitar padu.

Jenerasi terbaru loji-loji penjana kitar padu mampu mencapai kecekapan 50 peratus lebih berbanding dengan 30 peratus kecekapan yang boleh dicapai oleh loji-loji penjana konvensional yang menggunakan minyak bahan bakar.

+Penjimatan yang boleh dibuat oleh negara daripada teknologi kitar padu ini adalah besar dan dapat membantu kita meningkatkan proses perindustrian, katanya. -- Bernama